



30 Disember 2016
30 December 2016
P.U. (A) 382

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2016

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

PERATURAN-PERATURAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 71 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452], Menteri, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2016.**

(2) Kecuali peraturan 4 dan perenggan 5(c) dan (d), Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

(3) Perenggan 3(b), (c) dan (d) terpakai bagi penamaan yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 2017.

(4) Peraturan 4 dan perenggan 5(c) dan (d) berkuat kuasa pada 1 Januari 2018 dan terpakai bagi permohonan untuk pengeluaran yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 2018.

Pindaan peraturan 6

2. Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001 [P.U. (A) 409/2001] yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 6—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

"(1) Ahli yang berumur lapan belas tahun atau ke atas boleh menamakan mana-mana—

- (a) orang sebenar; atau
- (b) institusi yang diluluskan oleh Lembaga,
untuk menerima amaun yang berada pada kreditnya dan kena dibayar
kepadanya selepas kematiannya.”;
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:
“(1A) Ahli tidak dibenarkan untuk menamakan orang sebenar dan
institusi pada masa yang sama.”;
- (c) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “penamaan”
perkataan “orang sebenar”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:
“(2A) Seseorang ahli hanya boleh menamakan dalam Borang KWSP 4
satu institusi sahaja pada satu-satu masa.
- (2B) Jika seseorang ahli yang bukan beragama Islam menamakan orang
sebenar yang berumur kurang daripada lapan belas tahun sebagai orang
yang dinamakan, ahli yang bukan beragama Islam itu boleh melantik suatu
institusi yang diluluskan oleh Lembaga sebagai pemegang amanah untuk
menguruskan amaun yang berada pada kredit ahli itu sekiranya pada masa
permohonan pengeluaran dibuat di bawah perenggan 53B(2)(a)
atau 54(1)(a) Akta orang yang dinamakan belum mencapai umur lapan
belas tahun.”.

Pindaan peraturan 7

3. Subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

- “(aa) apabila institusi yang dinamakan digulungkan atau dibubarkan;”;
- (b) dalam perenggan (b)—
- (i) dengan memotong perkataan “bertulis”; dan
- (ii) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (c) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
- “(d) bagi ahli yang beragama Islam, jika—
- (i) orang yang dinamakan belum mencapai umur lapan belas tahun apabila permohonan pengeluaran di bawah perenggan 54(1)(a) Akta dibuat oleh orang yang dinamakan itu atau warisnya; atau
- (ii) tiada permohonan pengeluaran di bawah perenggan 54(1)(a) Akta dibuat oleh orang yang dinamakan dalam tempoh satu tahun dari tarikh kematian ahli.”.

Pindaan peraturan 8

4. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—
- (i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “dua puluh lima ribu ringgit,” perkataan “atau jika amaun yang berada pada kredit ahli yang mati itu melebihi dua puluh lima ribu ringgit

tetapi tidak melebihi suatu amaun yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa,”;

(ii) dalam perenggan (b)—

- (A) dengan memasukkan selepas perkataan “dua puluh lima ribu ringgit” perkataan “dan amaun itu adalah melebihi amaun yang ditentukan oleh Lembaga dalam perenggan (a)”;
- (B) dengan memotong perkataan “tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit daripada”; dan
- (C) dalam subperenggan (ii), dengan menggantikan perkataan “baki bayaran berjumlah tujuh belas” dengan perkataan “dua puluh dua”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (5).

Pindaan peraturan 9

5. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (1)(a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) dalam hal orang yang dinamakan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun—

(i) jika ahli beragama Islam, amaun yang berada pada kredit ahli itu hendaklah dibayar—

(A) kepada orang yang dinamakan sekiranya orang yang dinamakan mencapai umur lapan belas tahun sebelum permohonan pengeluaran dibuat di bawah